

16/06/2001

Cara berpakaian, pergaulan jejas imej UIAM Kuantan

Pelajar Kesal

UIAM adalah sebuah pusat pengajian tinggi yang terkenal, mempunyai ciri-ciri pengajian berasaskan Islam dan ia menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Dibina di tanah air sendiri dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April lalu. Diilhamkan beliau sendiri supaya wujudnya sebuah universiti islam yang bertaraf dunia dan kini mncul Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), satu nama yang terkenal di seluruh dunia serta menjadi sebutan ramai rakyat Malaysia.

Dengan gahnya nama itu tidaklah seindah khabar dari rupa. Khabar disebar, di dalam UIA pelajar mesti mengikut ciri-ciri Islam serta semua pengajian mengikut unsur Islam.

Tetapi ia berbeza dengan yang saya lihat di UIAM cawangan Kuantan. Pelajar seperti hilang asas yang perlu diterapkan serta ajaran Islam.

Berbeza yang saya lihat pelajar di UIA Gombak semua pelajar wanita begitu mulia apabila dipandang. Pelajar berbaju kurung serta bertudung labuh adalah mulia apabila dipandang.

Tetapi amat dikesali apabila pandangan orang luar seperti kami melihat gelagat pelajar UIAM yang berpakaian seluar ketat serta berbaju menampakkan susuk tubuh badan.

Apakah itu yang sesuai dipakai ketika berada di dewan kuliah? Bertambah malangnya lagi pelajar kurang adap sopan dengan berdua-duaan di dalam universiti. Malu jika kita lihat nama UIA dan pelajarnya bersikap demikian. Tiada tindakan yang diambil oleh pentadbiran serta pengawal keselamatan yang ada, mereka umpama mengalakkan lagi keadaan sedemikian.

Ketika saya berada di sana, ada beberapa pasangan yang lalu lalang di hadapan mereka (pengawal keselamatan) termasuk seorang pegawai, malah tiada tindakan yang diambil.

Sebagai sebuah universiti Islam yang terkenal perlulah membentuk semula pelajar sedemikian bagi menjaga nama baik Islam di mata umum. Jika unsur sedemikian terus berleluasa, hilanglah Islam yang disanjung tinggi pada kala ini.